

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang sedang menjalani "hemodialysis" di Malaysia dengan pecahan yang dirawat di pusat Kerajaan dan yang dirawat di institusi swasta. Adakah benar subsidi RM50 untuk tiap sesi hemodialysis di sektor swasta tidak lagi ditawarkan pada pesakit baru sejak Mac 2013.

Tuan Yang di-Pertua

Secara amnya, peningkatan bilangan pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis pada setiap tahun adalah unjuran sebanyak 10% daripada tahun sebelumnya.

Merujuk *20th Report of the Malaysian Dialysis & Transplant Registry* 2012, sehingga 31 Disember 2012, seramai 26,404 orang pesakit menjalani hemodialisis di Malaysia. Bilangan pesakit yang menjalani hemodialisis di unit dialisis di seluruh negara adalah seperti berikut:

- i. 5,924 orang di unit dialisis hospital Kerajaan;
- ii. 7,088 orang di unit dialisis badan bukan Kerajaan (NGO);
- iii. 168 orang di unit dialisis universiti;
- iv. 65 orang di unit dialisis angkatan tentera Malaysia (ATM); dan
- v. 13,159 orang di unit dialisis institusi swasta (selain daripada di atas).

Tuan Yang di-Pertua

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat Negara ini, golongan rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (End Stage Renal Disease) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2001 sehingga 2013, KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada sejumlah 2,494 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan, iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialsisis dan RM30 untuk suntikan erythropoietin. Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin sejak dari tahun 2001 sehingga 2013 ialah RM284.51 juta dan pada tahun 2013 sahaja ialah RM31.60 juta telah diluluskan sebagai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin.

Sehingga kini, 59 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 119 pusat dialisis telah didaftarkan oleh KKM untuk menerima subsidi rawatan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, pihak KKM tidak pernah memberhentikan dan masih terus memberi subsidi rawatan hemodialisis RM50 dan RM30 bagi suntikan erythropoietin kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan. Sepanjang tahun 2013 sahaja, KKM telah meluluskan sejumlah 319 permohonan baru untuk mendapatkan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin yang melibatkan peruntukan sejumlah RM3.98 juta dalam bentuk pembiayaan subsidi. Pihak KKM akan terus menimbangkan semua permohonan baru untuk mendapatkan subsidi demi menjaga kesejahteraan rakyat Negara ini.